

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Pengajian Agroteknologi 2 - 3529/2 ini mengandungi dua bahagian iaitu;

- Bahagian A Mengandungi dua soalan di mana kedua-dua soalan menguji elemen yang sama iaitu pengetahuan dan pemberatannya adalah sama. Markah yang diperuntukan adalah 15 markah. Soalan 1, mengandungi dua pecahan; (a) dan (b). Soalan 2, mengandungi dua pecahan;(a) dan (b). Calon dikehendaki menjawab hanya satu soalan sahaja dalam bahagian ini.
- Bahagian B Mengandungi tiga soalan di mana calon dikehendaki menjawab semua soalan. Soalan 3, menguji elemen kemahiran aplikasi. Soalan 4, menguji elemen kemahiran amali. Soalan 5, menguji elemen kemahiran mentaksir.

Setiap soalan dalam bahagian ini diperuntukan 15 markah. Masa yang diperuntukkan ialah dua jam.

PRESTASI KESELURUHAN

Majoriti calon dapat menjawab dengan baik bagi soalan No. 2(a) dan No. 4; sebaliknya bagi 2(b). Bagi kedua-dua bahagian atau soalan ini calon berupaya menunjukkan penguasaan isi atau fakta dan boleh menghurai seperti mana kehendak soalan dengan baik. Lain-lain soalan majoriti calon tidak berupaya untuk menunjukkan tahap penguasaan isi atau fakta seperti mana yang dikehendaki oleh tugas soalan, fakta yang dinyatakan amat terhad atau fakta yang diberikan tidak disokong dengan huraian yang mencukupi. Calon tidak dapat menjawab menepati kehendak soalan kerana kemahiran berfikir yang lemah. Calon menghafal atau sangat terikat dengan fakta yang tersenarai di dalam buku teks sahaja, dan gagal mengolah huraian mengikut situasi soalan.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon dalam kumpulan ini boleh memberikan jawapan yang baik dengan huraian jawapan yang menampakkan kebernasan hujah dengan disokong oleh fakta yang mereka fahami dan menepati kehendak soalan. Setengah calon dalam kumpulan ini mengupas atau memberi jawapan yang agak terikat atau terkongkong dan gagal memberi huraian yang jitu seperti mana kehendak soalan. Walau bagaimanapun, hujah atau jawapan masih boleh diterima dengan baik seperti mana yang digariskan oleh peraturan atau peraturan permarkahan.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Jawapan yang diberikan cukup untuk menampakkan mereka tahu apa kehendak soalan dan cuba menjawab tetapi hujah atau fakta yang dikemukakan tidak mencukupi lantaran tersekat setakat apa yang dihafalkan. Justeru itu jawapan yang diberikan tidak menepati kehendak soalan sepenuhnya atau agak menyimpang daripada apa yang digariskan secara minima oleh peraturan permarkahan. Terdapat juga calon dalam kumpulan ini yang memberikan fakta atau jawapan tetapi tidak dapat mengaitkan dengan kehendak soalan dengan tepat. Persembahan jawapan tidak tersusun dan pilihan kata-kata tidak begitu tepat.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Kurang faham kehendak soalan, maka jawapan diberikan tidak tepat. Jawapan yang diberikan tidak menyentuh apa yang dikemukakan oleh soalan. Calon dalam kumpulan ini juga gagal memberikan jawapan minima atau langsung tidak memberikan jawapan pada soalan tertentu seperti soalan No. 3 dan 2(b). Penyampaian amat lemah, tiada susunan atau struktur persembahan yang sesuai. Memberi jawapan secara pernyataan umum, dan ada juga dalam bentuk *'point-form'* sahaja. Penggunaan ayat berulang-ulang tanpa fakta atau isi, dan penggunaan tatabahasa lemah.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1(a)

Tahap literasi terhadap komputer di kalangan calon adalah baik kerana calon boleh menyatakan kepentingan dan sumbangan komputer terhadap sektor pertanian. Kelemahan calon ialah sebilangan besar tidak menjawab kehendak soalan dengan tepat kerana tidak keliru di antara apa yang mereka tahu (hafal) dengan apa yang dikehendaki oleh soalan. Justeru itu calon menjawab mengikut gaya mereka sendiri dan gagal membuat huraian setiap fakta yang diberikan seperti mana yang dikehendaki oleh soalan dan peraturan pemarkahan.

Kesilapan besar calon semasa menjawab soalan ini gagal menghurai fakta atau fakta yang diberikan tidak diulas dengan betul. Sebagai contoh calon menyatakan komputer boleh mengira dengan pantas tetapi tidak mengaitkan bagaimana keantasan kerja mengira ini dapat meningkatkan kecekapan pengurusan ladangnya. Calon juga mengulang jawapan dengan menyatakan kebaikan komputer dan bukannya bagaimana kebaikan komputer ini dapat meningkatkan pengurusan ladang.

Soalan 1(b)

Calon tahu kandungan yang ada dalam tajuk yang dikemukakan oleh soalan kerana mungkin faktor hafalan tetapi keliru di antara prinsip reka bentuk dan faktor mereka bentuk. Justeru itu, calon memberikan jawapan yang tidak menepati kehendak soalan. Ataupun calon menjawab tetapi tidak memfokuskan terhadap apa yang ditanya oleh soalan.

Soalan 2(a)

Majoriti calon dapat menamakan kaedah pemindahan ini dengan tepat iaitu kaedah fizikal dan kaedah vektor dan memberikan huraian dengan baik dan jelas. Terdapat juga calon yang memberikan huraian terbalik dengan apa yang dihuraikannya. Ini menggambarkan calon tidak teliti semasa menjawab atau calon menjadi keliru atau terkongkong dengan teknik hafalan sebagai satu strategi belajar calon.

Soalan 2(b)

Terdapat dua tugas (task) yang perlu dijawab oleh calon iaitu pertama kepentingan membuat Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dan yang kedua prosedur penyediaan Penilaian Kesan Alam sekitar (EIA) dengan mengaitkannya bagi memulakan satu projek pertanian di kawasan lereng bukit. Calon majoritinya gagal memberikan jawapan mengikut fakta dan huraian bagi menampakan kepentingan membuat EIA.

Berkaitan tugas kedua iaitu prosedur penyediaan EIA, calon tidak dapat menjawab seperti mana yang dikehendaki oleh soalan dan jawapan yang diberikan jauh daripada peraturan yang disediakan. Calon seolah-olah tidak memahami atau gagal menguasai tajuk ini. Ramai juga calon yang memilih untuk tidak menjawab pecahan soalan ini dan sebagai gantinya menjawab kedua-dua pecahan soalan No 1 dan No.2. Calon dalam kumpulan lemah tidak menjawab soalan ini, atau menjawab tetapi tidak menepati langsung kehendak soalan. Ini disebabkan kegagalan menguasai fakta atau tidak memahami topik ini.

Soalan 3

Soalan ini adalah soalan menguji kemahiran aplikasi calon dan mengandungi tiga tugas yang perlu di analisis oleh calon. Pertama maklumat pemohon dan perniagaan, kedua keperluan pinjaman dan ketiga penyediaan jadual pelaksanaan projek. Calon pula dikehendaki menyediakan satu kertas kerja memohon pinjaman kewangan bagi satu projek yang bakal diusahakan. Secara keseluruhan calon dapat menyediakan kertas kerja tetapi format yang dihasilkan didapati berbeza-beza. Calon lemah dalam menyediakan jadual pelaksanaan projek. Butiran yang diberikan sebagai jawapan menampakkan calon seolah-olah tidak menguasai atau tidak memahami tajuk/topik ini. Terdapat calon yang dapat memberikan jawapan tujuan keperluan pinjaman yang dimohon seperti mana dalam kertas kerja.

Soalan 4

Soalan ini menguji kemahiran amali. Majoriti calon dapat menjawab dengan baik dan menunjukkan tahap penguasaan isi kandungan. Calon menunjukkan mereka faham apa yang dimaksudkan dengan kompos, cara membina, menyusun dan mengulang susunan bahan dan prosedur untuk membuat kompos. Begitupun, terdapat juga di kalangan calon yang lalai atau keliru membuat ulangan susunan bahan kompos dan kesalahan ini membuatkan calon kehilangan markah. Kesilapan utama calon ialah tidak menunjukkan langkah atau susunan yang betul seperti mana yang dikehendaki oleh soalan. Kesalahan seperti ini tidaklah begitu ketara berlaku di kalangan calon.

Soalan 5

Soalan ini menguji kemahiran mentaksir. Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh calon, hanya sebilangan kecil calon menunjukkan mereka mengetahui dan agak menguasai konsep dan prinsip Buku Tunai. Calon ini dapat memindahkan butiran urusan yang diberikan ke dalam ruangan dengan betul pada Buku Tunai. Format yang dibuat seperti mana yang dikehendaki oleh soalan. Majoriti calon tidak dapat menyediakan format Buku Tunai dengan betul dan lengkap. Calon juga gagal atau cuai memindah dan meletakkan butiran urusan ke dalam ruangan yang betul ataupun terdapat juga calon yang keliru dan tertukar meletakkan butiran urusan dalam lajur Debit dan Kredit seperti mana yang sepatutnya. Calon tidak mantap menguasai prinsip catatan bergu (*double entry*) yang merupakan asas kepada prinsip akaun. Kesilapan yang sering ditemui ialah calon mempersembahkan jawapan dengan cara menyediakan dan memindahkan butiran urusan ke dalam Akaun Belian, Akaun Jualan, Akaun Tunai, Akaun Bank dan sebagainya. Calon juga sering melakukan kesilapan merekodkan modal tunai dan bank dalam lajur yang salah. Dari segi pengiraan, calon dapat mengira dengan baik. Ini menunjukkan penguasaan matematik dan kerja pengiraan dapat dibuat dengan betul. Kebanyakan calon dapat mengira jumlah pendapatan dan perbelanjaan dan jawapan yang diberikan adalah seperti mana yang dikehendaki oleh soalan.

SARANAN KEPADA CALON

1. Calon perlu menguasai konsep atau prinsip sesuatu tajuk dengan jelas dan tidak menghafal sehinggalah calon terikat dan tidak boleh menghuraikan jawapan ataupun mengaitkan gabungan fakta untuk memberikan jawapan yang bernas dan matang.
2. Calon harus meningkatkan kemahiran atau teknik menjawab. Ini penting kerana terdapat calon yang tidak memahami apa jawapan yang dikehendaki oleh soalan yang mengakibatkan calon menjawab mengikut selera calon dan bukan jawapan seperti mana yang dikehendaki oleh soalan.
3. Untuk soalan yang menguji kemahiran mentaksir dan kuantitatif seperti perakaunan, calon perlu memahami dengan jelas konsep asas sistem catatan bergu, dapat membezakan jenis, fungsi dan format buku akaun atau lejar yang ada dalam disiplin perakaunan.
4. Calon harus memahami betul-betul soalan sebelum menjawab soalan. Calon mestilah menepati kehendak yang dinyatakan dalam soalan. Sebaik-baiknya jawapan dirangka terlebih dahulu supaya penyampaian menjadi lebih teratur dan kemas serta mudah difahami.

SARANAN KEPADA GURU

1. Guru perlu menguasai tajuk dalam mata pelajaran ini dengan jelas, kemas dan mantap. Perlu ada sumber rujukan tambahan yang mencukupi. Ini disebabkan mata pelajaran ini adalah satu mata pelajaran yang menggabungkan beberapa disiplin sains gunaan, teknikal dan perakaunan.
2. Seboleh mungkin, sesi pengajaran dan pembelajaran perlu dilakukan secara dua hala dengan memberi ruang dan peluang kepada calon 'menjerap' fakta penting dalam topik yang diajar pada sesuatu sesi pengajaran dan pembelajaran. Elakkan mengajar bagi maksud mengejar waktu atau hanya untuk menghabiskan sukatan pelajaran. Hal ini boleh dikesan apabila majoriti calon tidak dapat menguasai konsep asas dan mudah
3. Menerapkan konsep kemahiran belajar dan berfikir secara kreatif dan saintifik seperti pendekatan **4W1H** (*What, Why, When, Who, How*) dan sebagainya.
4. Memberi pendedahan latihan lebih khusus kepada calon terhadap soalan yang melibatkan kemahiran berfikir aras tinggi.
5. Menitikberatkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) dalam pengajaran supaya calon boleh berfikir secara terbuka dan selari dengan kehendak soalan yang makin mencabar. Oleh kerana soalan dalam Kertas 2 ini mengukur aras kognitif intelektual yang tinggi, KBKK menjadi aset penting untuk kecemerlangan. Penggunaan instrumen berfikir dan pengurusan grafik (PG) dalam pengajaran dan pembelajaran dirasakan dapat meningkatkan prestasi calon.